

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 JUN 2021
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT :

Malaysia sokong usaha OPEC+ tingkatkan pengeluaran minyak

Oleh [Mohd Zaky Zainuddin](#) - Jun 2, 2021 @ 4:08pm



(Gambar fail). - Foto: NSTP/ASWADI ALIAS

PUTRAJAYA: Malaysia menegaskan komitmennya untuk terus menyokong inisiatif OPEC+ meningkatkan pengeluaran sebanyak dua juta tong sehari (mb/d) secara beransur-ansur pada kadar yang sesuai mengikut keadaan pasaran.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata komitmen itu selaras dengan Mesyuarat Menteri OPEC+ pada April 2020, yang dipinda pada Jun, September dan Disember 2020, serta pada Januari dan April 2021.

"Malaysia juga menyambut baik keputusan yang dibuat dalam mesyuarat kali ke-17 OPEC+ iaitu memantau asas pasaran minyak bagi memastikan proses untuk mengimbangi dan menstabilkan pasaran minyak global dapat dicapai," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Mustapa mengetuai delegasi Malaysia menghadiri mesyuarat ke-17 Peringkat Menteri Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan bukan-OPEC (juga dikenali sebagai Mesyuarat OPEC+) yang diadakan secara maya pada semalam.

Mesyuarat itu dipengerusikan bersama oleh Menteri Tenaga Arab Saudi, Putera Abdulaziz bin Salman Al Saud serta Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Russia, Alexander Novak dan disertai oleh 13 wakil negara anggota OPEC serta 10 wakil negara bukan anggota OPEC.

Malaysia yang bukan anggota OPEC mula menyertai Mesyuarat OPEC+ sejak Disember 2016.

Mesyuarat itu menjadi platform untuk membincangkan kedudukan pasaran minyak mentah dunia.

Mengulas lanjut, Mustapa berkata, kesepakatan yang dicapai oleh OPEC+ khususnya sejak April 2020 telah memberi impak positif kepada imbalan dan kestabilan pasaran minyak global, di samping membantu mengawal lebihan stok minyak dunia.

Ini kerana, katanya, kejatuhan permintaan minyak mentah yang berpunca terutamanya oleh penularan COVID-19 dan lebihan bekalan yang tinggi telah menyebabkan harga minyak jatuh mendadak.

"Terdapat tanda pemulihan pasaran minyak selepas penurunan permintaan yang mendadak akibat penularan pandemik bermula awal 2020.

"Pelaksanaan program vaksin secara agresif juga telah membantu proses pemulihan aktiviti ekonomi di beberapa negara. Ini secara tidak langsung meningkatkan keyakinan pengguna dan sekali gus memacu semula permintaan minyak," katanya.

Jumlah keseluruhan permintaan minyak mentah dunia pada suku kedua 2020 ialah 83 juta tong sehari dan dijangka meningkat kepada 94 juta tong sehari bagi tempoh yang sama tahun ini.

Secara purata, harga minyak mentah Brent bagi tempoh Januari sehingga Mei 2021 diniagakan kepada AS\$63 setong berbanding AS\$40 bagi tempoh yang sama tahun lalu.

Mustapa berkata, selaras dengan usaha pemulihan aktiviti ekonomi yang berterusan di Malaysia, permintaan ke atas produk minyak domestik juga telah mencatatkan peningkatan semula kecuali sektor penerbangan.

"Jika dibandingkan ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pertama (PKP 1.0) dengan PKP 3.0, pembukaan beberapa sub-sektor ekonomi telah memainkan peranan dalam membawa kepada peningkatan dalam permintaan minyak," katanya.